

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Tarikh: <tarikh>

### Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk ini menyediakan maklumat penting tentang insurans hayat anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

### 1 Apa itu MyLife Protect?

MyLife Protect ialah pelan bertempoh tanpa penyertaan yang menyediakan perlindungan bagi kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal.

### 2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-Manfaat Anda

**Sebagai ilustrasi**, bagi **RM150.00\*** secara bulanan, anda akan menerima **perlindungan** seperti yang berikut:

*\*Premium yang ditunjukkan terpakai untuk lelaki berumur 30 tahun pada hari jadi berikutnya yang tidak merokok, dengan tempoh polisi selama 30 tahun, Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak RM500,000 dan risiko piawai.*

Kematian	<b>RM500,000</b>
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	<b>RM500,000</b>
Perlindungan Tambahan	Tidak berkenaan.

Insurans hayat anda **tidak termasuk**:

- Kematian akibat bunuh diri sama ada ketika waras atau tidak waras dalam tempoh 13 bulan dari tarikh pengeluaran atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian;
- Kematian akibat pertarungan atau akibat kecederaan diri sendiri yang disengajakan sama ada ketika waras atau tidak waras dalam tempoh 13 bulan dari tarikh pengeluaran atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian; dan
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat percubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan sama ada ketika waras atau tidak waras.

**Nota:** Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi bagi senarai pengecualian yang penuh.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi  
03-7652 3388



Layari  
[MyLife Protect](#)



Emel  
[customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my)

### 3 Ketahui Tanggungjawab Anda

<b>Bagi insurans hayat anda, anda harus membayar premium sebanyak:</b>	
Premium Asas	<jumlah premium> secara <kekerapan>, bagi Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak <jumlah>. Premium adalah dikenakan ke atas risiko piawai.
Tempoh Polisi: <tempoh> tahun	Tempoh Bayaran Premium: <tempoh> tahun
<b>Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:</b>	
Komisen	Tidak berkenaan.

4

## Terma Penting Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin mengalami risiko tuntutan anda ditolak atau polisi anda ditamatkan.
- Terma polisi dan premium mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan oleh MCIS Insurance Berhad.
- Premium adalah setara dan terjamin sepanjang tempoh polisi.
- Tempoh tangguh selama 30 hari bagi kekerapan pembayaran premium bulanan dan 45 hari bagi kekerapan pembayaran premium lain adalah terpakai. Pelan insurans hayat anda akan luput sekiranya sebarang premium tidak dibayar dalam tempoh tangguh.
- Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur tuntutan dan borang-borang yang berkenaan dengan menghubungi MCIS Insurance Berhad.
- Anda dinasihatkan untuk menamakan seorang penama(-penama) bagi pelan ini dan memastikan penama(-penama) anda sedar tentang pelan insurans yang telah anda beli.
- Jika anda bertukar polisi anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu bagi pelan insurans baharu atau oleh syarikat insurans baharu.

**Nota:** Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai terma dan syarat yang penuh.

?

## Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan Polisi anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran Polisi. MCIS Insurance Berhad akan membayar balik kepada anda premium yang telah dibayar tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung tanpa faedah.
- **Selepas Tempoh Bertenang:** Jika anda membuat keputusan untuk tidak meneruskan Polisi anda selepas tempoh bertenang, anda boleh membatalkan dengan menulis kepada MCIS Insurance Berhad. Tidak ada nilai serahan untuk Polisi.

SAMPLE